

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

6. Adakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menolong pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan penting pada tahun ini tetapi hilang masa pembelajaran akibat Perintah Kawalan Pergerakan?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Antara perancangan Kerajaan Negeri untuk menolong pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan penting pada tahun ini yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:
- (a) Kerajaan Negeri melalui Penggerak Komuniti Muda (PEKA) akan mengadakan kelas tambahan percuma di bawah Program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang. Berdasarkan pendaftaran sehingga 31 Mac 2020, program Tuisyen Rakyat Pulau Pinang dapat membantu seramai 1,367 pelajar daripada darjah 6, tingkatan 3 dan tingkatan 5 yang akan mengambil peperiksaan awam pada tahun ini;
 - (b) Kerajaan Negeri akan merujuk dan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bagi mengenal pasti masalah-masalah yang akan dihadapi oleh pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan penting pada tahun ini dan membantu pelajar-pelajar tersebut yang terkesan PKP; dan
 - (c) Kerajaan Negeri menggalakkan pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang melalui pengurusan sekolah yang menyediakan

pembelajaran secara digital meliputi *google classroom*, *online teaching and learning* dan portal KPM bagi membantu pelajar-pelajar yang menghadapi peperiksaan penting pada tahun ini.

Sebagai makluman, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat penjadualan semula 15 peperiksaan di bawah kendalian kementerian berikutan PKP kerana penularan wabak COVID-19.